



18 Julai 2024
18 July 2024
P.U. (B) 272

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

**NOTIS PENAMATAN PENGENAAN DUTI ANTI-LAMBAKAN
YANG AKAN BERLAKU TERHADAP IMPORT KELUARAN
BATANG PENULANGAN KONKRIT KELULI YANG BERASAL
ATAU DIEKSPORT DARI REPUBLIK SINGAPURA
DAN REPUBLIK TURKI**

***NOTICE OF IMPENDING TERMINATION OF
THE IMPOSITION OF ANTI-DUMPING DUTIES ON IMPORTS
OF STEEL CONCRETE REINFORCING BAR PRODUCTS
ORIGINATING OR EXPORTED FROM THE REPUBLIC OF
SINGAPORE AND THE REPUBLIC OF TURKEY***

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993

NOTIS PENAMATAN PENGENAAN DUTI ANTI-LAMBAKAN YANG AKAN BERLAKU TERHADAP IMPORT KELUARAN BATANG PENULANGAN KONKRIT KELULI YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI REPUBLIK SINGAPURA DAN REPUBLIK TURKI

(AD 02/19)

MENURUT peraturan 35 Peraturan-Peraturan Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1994 [*P.U. (A) 233/1994*], Kerajaan memberi notis bahawa duti anti-lambakan yang dikenakan terhadap import keluaran batang penulangan konkrit keluli iaitu batang keluli gulungan panas yang mengandungi lekuk, tetulang, alur atau canggaan lain yang berasal atau diekспорт dari Republik Singapura dan Republik Turki (“dagangan subjek”) di bawah Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 2020 [*P.U. (A) 22/2020*] akan tamat tempohnya pada 21 Januari 2025 dan pihak berkepentingan boleh memberikan pandangan mereka mengenai penamatan pengenaan duti yang akan berlaku itu.

Dagangan subjek

2. (1) Dagangan subjek dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) dan Tatanama Tarif Berhamonis ASEAN (AHTN) 7214.10.11 00, 7214.10.19 00, 7214.10.21 00, 7214.10.29 00, 7214.20.31 00, 7214.20.39 00, 7214.20.41 00, 7214.20.49 00, 7214.20.51 00, 7214.20.59 00, 7214.20.61 00, 7214.20.69 00, 7214.30.10 00, 7214.30.90 00, 7214.99.11 00, 7214.99.19 00, 7214.99.91 00, 7214.99.92 00, 7214.99.93 00, 7214.99.99 00, 7228.10.10 00, 7228.10.90 00, 7228.20.11 00, 7228.20.19 00, 7228.20.91 00, 7228.20.99 00, 7228.30.10 00, 7228.30.90 00, 7228.40.10 00, 7228.40.90 00, 7228.50.10 00, 7228.50.90 00, 7228.60.10 00, 7228.60.90 00, 7228.80.11 00, 7228.80.19 00 dan 7228.80.90 00.

(2) Kod H.S. dan AHTN yang dinyatakan dalam subperenggan (1) diberikan hanya bagi maksud makluman dan tidak mempunyai kesan mengikat terhadap pengelasan dagangan subjek itu.

Duti anti-lambakan

3. (1) Dagangan subjek itu adalah tertakluk kepada duti anti-lambakan yang dikenakan di bawah Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 2020 bagi tempoh mulai 22 Januari 2020 hingga 21 Januari 2025.

(2) Kadar duti anti-lambakan yang dikenakan berhubung dengan import dagangan subjek ialah antara nil hingga 20.09% daripada harga eksport.

Pandangan daripada pihak berkepentingan

4. (1) Pihak berkepentingan yang berkemungkinan terjejas oleh penamatan pengenaan duti anti-lambakan boleh memberikan pandangan mereka secara bertulis.

(2) Pandangan yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah, khususnya, mengajukan isu yang berikut:

(a) sama ada pengenaan duti anti-lambakan yang berterusan perlu untuk mengimbangi lambakan dagangan subjek; dan

(b) sama ada kemudaran berkemungkinan akan terus berulang jika duti itu dihapuskan atau diubah.

(3) Pandangan yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah disokong dengan keterangan dokumen yang sewajarnya.

Had masa

5. Pihak berkepentingan hendaklah memberikan pandangan mereka secara bertulis tidak lewat daripada 31 Ogos 2024 dan pandangan itu hendaklah dikemukakan kepada alamat yang berikut:

Pengarah

Seksyen Amalan Perdagangan

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)

Aras 9, No. 7, Menara MITI

Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur
Malaysia

Nombor telefon : (603) 6208 4644/4635
Nombor faksimile : (603) 6211 4429
Alamat e-mel : alltps@miti.gov.my

Bertarikh 9 Julai 2024
[MITI.S.600-2/2/2 Jld. 35; PN(PU2)529/JLD.32]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri

COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993

NOTICE OF IMPENDING TERMINATION OF THE IMPOSITION OF ANTI-DUMPING
DUTIES ON IMPORTS OF STEEL CONCRETE REINFORCING BAR PRODUCTS
ORIGINATING OR EXPORTED FROM THE REPUBLIC OF SINGAPORE AND
THE REPUBLIC OF TURKEY

(AD 02/19)

PURSUANT to regulation 35 of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Regulations 1994 [*P.U. (A) 233/1994*], the Government gives notice that the anti-dumping duties imposed on imports of steel concrete reinforcing bar products that are hot rolled steel bars containing indentations, ribs, grooves or other deformation originating or exported from the Republic of Singapore and the Republic of Turkey (“subject merchandise”) under the Customs (Anti-Dumping Duties) Order 2020 [*P.U. (A) 22/2020*] is due to expire on 21 January 2025 and interested parties may give their views on the impending termination of the imposition of the duties.

Subject merchandise

2. (1) The subject merchandise is classified under the Harmonised System Code (H.S. Code) and ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature (AHTN) 7214.10.11 00, 7214.10.19 00, 7214.10.21 00, 7214.10.29 00, 7214.20.31 00, 7214.20.39 00, 7214.20.41 00, 7214.20.49 00, 7214.20.51 00, 7214.20.59 00, 7214.20.61 00, 7214.20.69 00, 7214.30.10 00, 7214.30.90 00, 7214.99.11 00, 7214.99.19 00, 7214.99.91 00, 7214.99.92 00, 7214.99.93 00, 7214.99.99 00, 7228.10.10 00, 7228.10.90 00, 7228.20.11 00, 7228.20.19 00, 7228.20.91 00, 7228.20.99 00, 7228.30.10 00, 7228.30.90 00, 7228.40.10 00, 7228.40.90 00, 7228.50.10 00, 7228.50.90 00, 7228.60.10 00, 7228.60.90 00, 7228.80.11 00, 7228.80.19 00 and 7228.80.90 00.

(2) The H.S. Code and AHTN specified in subparagraph (1) are given only for information purposes and have no binding effect on the classification of the subject merchandise.

Anti-dumping duties

3. (1) The subject merchandise is subject to anti-dumping duties imposed under the Customs (Anti-Dumping Duties) Order 2020 for a period from 22 January 2020 to 21 January 2025.

(2) The rates of the anti-dumping duties imposed in relation to the imports of the subject merchandise are between nil to 20.09% of the export price.

Views from interested parties

4. (1) Interested parties likely to be affected by the termination of the imposition of the anti-dumping duties may give their views in writing.

(2) The views referred to in subparagraph (1) shall, in particular, address the following issues:

(a) whether the continued imposition of the anti-dumping duties is necessary to offset the dumping of the subject merchandise; and

(b) whether the injury would be likely to continue to recur if the duties were removed or varied.

(3) The views referred to in subparagraph (1) shall be supported with documentary evidence accordingly.

Time limit

5. The interested parties shall give their views in writing not later than 31 August 2024 and the views shall be submitted to the following address:

Director
Trade Practices Section
Ministry of Investment, Trade and Industry (MITI)
Level 9, No. 7, Menara MITI
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur
Malaysia

Telephone number : (603) 6208 4644/4635

Facsimile number : (603) 6211 4429

Email address : alltps@miti.gov.my

Dated 9 July 2024

[MITI.S.600-2/2/2 Jld. 35; PN(PU2)529/JLD.32]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Investment, Trade and Industry